

RENTAP: SATU PENELITIAN KE ATAS MOTIF DAN FAKTOR PERJUANGANNYA DI SARAWAK

Rentap: A Research on The Motive and The Factors of The Struggle in Sarawak

Awang Norben Bin Ben¹

¹*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

¹*nazmispade@gmail.com,*

Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Perjuangan Rentap di Sarawak adalah sebahagian daripada peristiwa penting dalam sejarah Sarawak pada abad ke-19. Rentap merupakan seorang tokoh pejuang Iban yang telah memaparkan kisah perjuangannya dalam memimpin masyarakat Iban (Sea Dayaks) untuk melaksanakan penentangan ke atas kerajaan Brooke bagi mempertahankan adat, budaya dan kebebasan masyarakat Iban di Sarawak. Hal ini kerana, tindakan kerajaan Brooke yang cuba untuk mencampuri norma kehidupan masyarakat dapat dilihat telah membangkitkan ketidakpuashatiaan penduduk yang akhirnya membawa kepada suatu gerakan penentangan terhadap pihak penjajah. Objektif kajian ini secara dasarnya akan tertumpu kepada motif perjuangan Rentap di Sarawak di samping meneliti faktor utama yang membawa kepada penentangan itu berlaku sekaligus menilai kesan dan sumbangan yang diberikan menerusi perjuangan beliau dalam menentang pihak penjajah di Sarawak. Kaedah kajian akan sepenuhnya menggunakan pendekatan kualitatif, dengan melakukan referensi terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjayakan kajian.

Kata Kunci: Perjuangan Rentap, Masyarakat Iban, Kerajaan Brooke

Abstract

The Rentap struggle in Sarawak was part of an important event in the history of Sarawak in the 19th century. Rentap is an Iban fighter figure who has shown the story of his struggle in leading the Iban community (Sea Dayaks) to carry out resistance against the Brooke government to defend the customs, culture and freedom of the Iban community in Sarawak. This is because the actions of the Brooke government which tried to interfere with the norms of community life can be seen to have raised the dissatisfaction of the population which eventually led to a movement of resistance against the colonialists. The objective of the study will basically focus on the motives of Rentap's struggle in Sarawak in addition to examining the main factors that led to the resistance taking place as well as evaluating the impact and contribution given through his struggle against the colonialists in Sarawak. The research method will fully use a qualitative approach, by referring to primary and secondary sources to make the research successful.

Keywords: *Rentap Struggle, Iban Society, Brooke Government*

Pengenalan

Sebelum kedatangan James Brooke di Sarawak, masyarakat Iban telah menjalani kehidupan mereka yang telah lama mereka warisi sejak dari zaman dahulu lagi. Kedatangan kuasa penjajah ke Sarawak khususnya pemerintahan keluarga Brooke pada abad ke-19 telah banyak membawa perubahan ke atas Sarawak dari pelbagai aspek iaitu sosial, politik dan ekonomi. Penjajahan yang dilakukan oleh kerajaan Brooke tidak dinafikan banyak membawa perubahan dan kebaikan ke atas Sarawak namun jika diteliti dengan lebih mendalam, pemerintahan yang dilaksanakan oleh keluarga Brooke lebih banyak mendatangkan keburukan dan masalah kepada masyarakat tempatan di Sarawak. Perubahan-perubahan yang dibawa oleh dinasti Brooke dalam menjalankan pemerintahannya telah menimbulkan ketidakpuashatiaan

penduduk tempatan dan ini mendorong berlakunya konflik di antara penjajah dan masyarakat tempatan sekaligus mengundang persengketaan yang berpanjangan.

Campur tangan pihak penjajah khususnya regim Brooke di Sarawak telah melahirkan rasa ketidakpuashatian dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Hal ini yang berlaku telah mendorong mereka bersama-sama pemimpin mereka iaitu Libau Anak Lingkan atau lebih dikenali sebagai Rentap melancarkan serangan ke atas kerajaan Brooke bagi menghalang kuasa luar daripada terus berkuasa di Sarawak. Di bawah pimpinan beliau, Rentap dan pengikutnya telah melakukan penentangan terhadap kerajaan Brooke yang dianggap zalim dan menindas masyarakat disamping dasar pemerintahan yang dilaksanakan bertentangan dengan adat istiadat dan amalan tradisional penduduk tempatan.

Latar Belakang Rentap

Rentap atau nama sebenarnya Libau Anak Lingkan merupakan salah satu pejuang yang sangat komited dalam menentang kerajaan Brooke di Bumi Sarawak. Beliau yang telah diangkat sebagai wira rakyat juga sering dikenali dengan nama 'Libau Panggau Dara, Rentap Tanah Kudi Menoa'. Rentap telah dilahirkan sekitar tahun 1800-an di Sungai Kapuas, di bahagian barat Borneo yang berasal dari Sungai Pinang, Rumah Unting, Skrang (Benedict Sandin, 1972: 69). Ayahnya yang bernama Ningkan telah mengahwini ibunya yang bernama Impong. Hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka telah dikurniakan lima orang anak dan Rentap merupakan anak sulung daripada lima orang adik beradiknya yang lain. Tidak lama setelah kelahiran Rentap, keluarganya telah berpindah ke Ulu Skrang (Graham Irwin, 1986: 41) dimana beliau telah menghabiskan sebahagian besar masa hidupnya di sekitar Sungai Skrang dan Sungai Saribas (Low Kok On, 2010: 152).

Rentap pada usia mudanya telah mula bergiat aktif dalam mengikuti aktiviti menyerang di laut bersama Orang Kaya

Pemancha Dana Bayang yang merupakan ketua Iban yang berasal daripada Saribas pada waktu itu. Beliau yang terlibat secara aktif dalam menyertai aktiviti serangan di laut dan ekspedisi pelayaran menyebabkan dirinya telah dikatakan sebagai "manok sabong" atau "ayam tambatan" bagi Orang Kaya Pemancha Bayang sehingga dirinya dikenali ramai dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak (Edward Enggu, 1973: 132). Nama beliau semakin dikenali ramai setelah berlakunya suatu peristiwa dimana beliau telah merampas keris emas kepunyaan anak Sultan sewaktu menyerang kapal yang berlayar dari Sambas. Ekoran daripada peristiwa tersebut, nama Rentap semakin disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat Iban pada waktu itu. Gelaran atau nama Rentap sebenarnya merupakan gelaran yang diberikan kepada beliau. Gelaran tersebut telah diberikan kepadanya apabila Rentap berjaya memperoleh kepala manusia buat pertama kali bagi dirinya dalam satu ekspedisi mengayau (pengait kepala) atau peperangan. Disebabkan kejayaannya itu, nama beliau telah diubah dari Libau kepada Rentap (Chang Pat Foh, 2006: 22-23). Gelaran Rentap membawa maksud Ensumbar dalam bahasa Iban ataupun "penggoncang dunia" (A.M Cooper, 1968: 1) dalam bahasa Melayu.



Foto 1: Gambar Pahlawan Rentap
Sumber: Muzium Negeri Sarawak

Motif Perjuangan Rentap

Dalam konteks di Asia Tenggara, setiap daripada perjuangan yang dilancarkan memiliki objektif atau matlamat yang tersendiri ia dilancarkan. Sesuatu perjuangan itu tidak dilaksanakan semata-mata untuk menunjukkan penentangan tanpa alasan akan tetapi ia didasari oleh tujuan dan matlamat yang jelas mengapa perjuangan itu harus dilaksanakan. Misalnya, perjuangan Dol Said di Naning adalah bermatlamatkan untuk mempertahankan hak dan budaya masyarakat di Naning daripada terus dicabuli oleh pentadbiran British. Hal ini boleh dilihat apabila pihak British telah menghilangkan hak pemerintah tempatan untuk memungut hasil cukai menerusi pengubalan undang-undang cukai tanah yang dikenali sebagai Regulation IX 1830 (L.A. Mills, 1969: 105).

Perjuangan yang dilakukan oleh Dato Bahaman di Pahang pula adalah bermatlamatkan untuk mempertahankan hak politik dan hal ehwal masyarakat Pahang terutamanya dalam sistem pentadbiran tradisional daripada dicampuri oleh pihak British. Campur tangan British dalam hal ehwal dan pengenalan sistem baru (sistem Residen) dalam pentadbiran tradisional masyarakat Pahang menyebabkan Dato Bahaman bangkit menentang penjajah bersama Tok Gajah dan anaknya iaitu Mat Kilau. Kegagalan rundingan yang dilakukan oleh Dato Bahaman bersama pihak British telah membangkitkan suatu gerakan yang dikenali sebagai Pemberontakan Pahang atau Pahang Uprising (Amnah Saayah Ismail et. al., 2019: 356-363).

Sepertimana perjuangan yang dilaksanakan di Tanah Melayu oleh tokoh-tokoh pejuang dalam menentang penjajah, perkara yang sama juga berlaku di Sarawak apabila munculnya Rentap selaku tokoh pejuang masyarakat Iban dalam membangkitkan semangat perjuangan menentang penjajah. Akan tetapi, penjajahan di Sarawak memperlihatkan bahawa ia adalah berbeza dengan negeri-negeri lain seperti yang berlaku di Tanah Melayu. Hal ini kerana, penaklukan awal di Sarawak memperlihatkan ia tidak didominasi oleh syarikat perdagangan

yang membawa visi dan misi negara tetapi ia telah didominasi oleh sebuah keluarga daripada Inggeris (Gregory Kiyai@Keai, 2022, 90-101). Menurut Robert Reece, motif perjuangan Rentap mencabar pihak Brooke adalah disebabkan tradisi asalnya (Robert Reece, 1983: 16). Tindakan James Brooke yang melarang adat dan budaya masyarakat Iban telah menyebabkan Rentap dan para pengikutnya berjuang untuk mengekalkan cara hidup mereka yang telah lama mereka amalkan. Oleh itu, matlamat dan perjuangan Rentap adalah bertujuan untuk mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban daripada terus dicabuli oleh kekuasaan Brooke.

Motif Perjuangan Rentap

Kedatangan James Brooke ke Sarawak memberikan tamparan yang hebat kepada Rentap dan masyarakat Iban di Sarawak khasnya masyarakat Iban yang berasal dari Skrang dan Saribas. Permulaan pemerintahan James Brooke di Sarawak memperlihatkan wujudnya campur tangan kuasa asing dalam menganggu norma kehidupan masyarakat yang sudah sekian lama dijalankan sebelum kedatangan James Brooke. Rentap dikatakan membenci James Brooke disebabkan dirinya melihat James Brooke sebagai orang luar yang memiliki niat jahat untuk menguasai Sarawak sekaligus cuba untuk menghapuskan gaya hidup masyarakat pada waktu itu (James Ritchie & Edmund Langgu Anak Saga, 2009: 57). Disebabkan perkara tersebut, Rentap dan para pengikutnya tidak menyukai James Brooke untuk mentadbir Sarawak atas sebab mencabuli kegiatan harian masyarakat Iban Sarawak terutamanya berkaitan adat dan budaya. Wujudnya pentadbiran Brooke di Sarawak juga sebenarnya menyebabkan masyarakat Iban kehilangan kebebasan dalam melakukan kegiatan sehari-hari mereka. Menurut Vinson H. Sutlive:

"Brooke policies of taxation and fines, restrictions of migration, suppression of raiding and head-hunting evoked resentment and retaliation from the independent Iban" (Vinson H. Sutlive, 1992: 73).

Jika diteliti dalam sejarah perjuangan Rentap di Sarawak, salah satu faktor utama yang mendorong penentangan Rentap di Sarawak ialah penghapusan amalan ngayau yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Iban sejak dari dahulu lagi. Amalan ngayau yang diamalkan oleh masyarakat Iban sebenarnya tidak disenangi oleh James Brooke pada peringkat awal pentadbirannya di Sarawak. Ini kerana, James Brooke dilihat kurang senang dengan amalan tersebut terutamanya kepada masyarakat Iban yang berasal daripada Skrang dan Saribas disebabkan beliau melihat amalan tersebut sebagai suatu tindakan yang kejam dan tidak bertamadun (Anna Durin, 2014: 7). Sebagai langkah untuk mengekang kegiatan pemburuan kepala yang dianggap sebagai tidak bertamadun ini, James Brooke telah mengubal undang-undang dalam sistem pentadbirannya yang mengandungi lapan fasal yang pada pandangan Brooke sendiri boleh diterima dan dipatuhi oleh penduduk Sarawak. Oleh itu, pada tahun 1842, satu pelan kasar berkaitan perundangan telah digagaskan oleh James Brooke di Kuching. Undang-undang tersebut merangkumi perihal jenayah biasa yang mungkin akan dihadapi oleh James Brooke sepanjang tempoh pemerintahan beliau (Elizabeth Pollard, 1997: 5).

Salah satu perkara atau fasal yang terdapat dalam perundangan tersebut adalah ia menyatakan bahawa orang yang membunuh, menyamun dan melakukan lain-lain kesalahan jenayah yang berat, akan dihukum berdasarkan undang-undang jika seseorang itu didapati bersalah (Haji Buyong Adil, 1974: 23). Penguatkuasaan undang-undang ini yang dilaksanakan oleh James Brooke nyatanya telah menganggu amalan masyarakat Iban khususnya budaya ngayau yang merupakan amalan tradisi masyarakat tersebut. Justeru, perundangan yang dianggap Brooke akan diterima oleh masyarakat sebaliknya menimbulkan kebencian yang pahit dalam kalangan masyarakat Iban (Vinson H. Sutlive, 1993: 17). Ini kerana, halangan tersebut menyebabkan tradisi mengayau terganggu untuk dilaksanakan bagi kepentingan masyarakat Iban misalnya dalam upacara perkahwinan dan kematian. Tanpa adanya kepala, masyarakat Iban tidak dapat

mewujudkan semula susunan kosmik dan ketenteraman rohani sekaligus menghadapi risiko yang lebih besar (J.H. Walker, 2002: 78). Disebabkan itu, tindakan James Brooke yang menghalang amalan ini untuk diamalkan telah membawa kepada penentangan Rentap bagi meruntuhkan pentadbiran Brooke sekaligus mengusir mereka daripada terus berkuasa di Sarawak.

Penentangan Rentap ke atas kerajaan Brooke juga boleh dilihat menerusi tindakan James Brooke melaksanakan kempen penghapusan lanun di Sarawak. Setelah kedatangan James Brooke di Sarawak dan diangkat sebagai The White Rajah pada 24 September 1841 (S. Baring-Gould & C.A. Bampfylde, 1989: 93), beliau telah mengisyiharkan orang Iban dari Skrang dan Saribas sebagai lanun disebabkan tindakan mereka yang banyak terlibat dengan maritime raiding activities bersama-sama orang Iranun dan Balangingi di sekitar kepulauan Borneo dan Laut China Selatan. Tindakan orang Iban (Sea Dayaks) bersama orang Iranun dan Balangingi yang sering merompak kapal-kapal dagang Barat dan menculik anak-anak kapal untuk dijadikan sebagai hamba telah dilihat sebagai suatu ancaman di kawasan perairan kepulauan Borneo dan Laut China Selatan. Disebabkan kegiatan tersebut dilihat memberikan ancaman kepada para pedagang Barat serta pihak kolonial, James Brooke telah bertindak melaksanakan kempen anti lanun di Sarawak sekaligus menghapuskan sistem perhambaan yang dilihat sebagai devastating system dengan cara mengubal undang-undang dan menubuhkan Court of Justice (James Rickie & Edmund Langgu Anak Saga, 2009: 103).

Dalam usahanya melaksanakan kempen anti lanun tersebut, James Brooke memulakan langkahnya dengan menyebarkan propaganda berunsur negatif terhadap masyarakat Iban khususnya yang menetap di kawasan Skrang dan Saribas. James Brooke telah menyatakan bahawa orang Iban dari Skrang dan Saribas merupakan perompak di darat dan lanun di laut serta bertindak membunuh sesiapa sahaja yang dianggap cuba untuk menentang mereka (Gregory Kiyai @ Keai, 2002: 94). Hal ini telah membangkitkan kemarahan masyarakat Iban terutamanya

Rentap yang melihat tindakan James Brooke sebagai suatu tindakan mencampuri urusan masyarakat Iban di Sarawak. Justeru, setelah mendengar khabar bahawa perubahan pentadbiran akan dilakukan oleh James Brooke di Kuching dan tindakannya untuk menghapuskan amalan perlanunan dalam kalangan penduduk, ia membangkitkan kemarahan Rentap seterusnya ketidakpuashatian beliau terhadap James Brooke kerana berani menganggu kehidupan tradisional masyarakat Iban di Sarawak (A.M. Cooper, 1968: 2).

Pembayaran cukai yang melampau yang dikenakan ke atas masyarakat Iban di Sarawak turut memperlihatkan ia menjadi faktor yang menyumbang kepada penentangan ini berlaku. Sebelum James Brooke menjalankan pemerintahannya, masyarakat Iban sememangnya sudah mula membayar cukai kepada para pembesar tempatan (Melayu) di Sarawak disebabkan wujudnya hubungan Iban-Melayu dalam konteks perdagangan. James Brooke yang melihat keadaan ini telah menganggap ia sebagai suatu tradisi di antara pembesar Melayu dengan masyarakat Iban di Sarawak (Robert Pringle, 1970: 63). Keadaan ini menyebabkan James Brooke telah bertindak memungut cukai dengan mengenakkannya sendiri kepada masyarakat Iban di Sarawak sewaktu diawal pemerintahannya. Bagi melaksanakan pembayaran cukai tersebut, James Brooke telah melantik sebahagian daripada para pembesar Melayu yang kalah dalam perperangan sewaktu ekspedisi perang yang dilaksanakannya pada tahun 1841. James Brooke tidak menjatuhkan hukuman mati terhadap para pemberontak (Melayu) tersebut sebaliknya memberikan pengampunan dan mengembalikan jawatan mereka dalam pentadbiran.

Walaubagaimanapun, kuasa para pembesar Melayu ini dihadkan dengan menggantikan hak yang kurang jelas dan fleksibel yang dahulunya mereka laksanakan dengan mendapatkan hasil yang tetap. James Brooke telah mengantikan datu Melayu daripada pemungut cukai feudal kepada orang kenamaan yang mana mereka dibayar gaji untuk perkhidmatan

mereka (J.H. Walker, 2002: 60). Sebahagian daripada fungsi James Brooke melantik pembesar Melayu adalah untuk mendapatkan sokongan orang Melayu ke atas jawatannya sebagai raja di Sarawak. Disebabkan James Brooke telah menyelamatkan nyawa dan mengembalikan para pembesar ini dalam sistem pentadbiran, maka para pembesar Melayu telah terikat dengan pentadbiran James Brooke di Sarawak.

Pengagasan undang-undang James Brooke yang digubal dalam pentadbiran nyatanya mendatangkan kesan kurang menyenangkan bagi masyarakat Iban di Sarawak. Dalam perundungan yang dibentuk oleh James Brooke yang juga dikenali sebagai "Eight Items", ia menyatakan:

"All men, whether Malay, Chinese or Dyak were free to trade or work as they pleased and enjoy their gains .. Trade would be entirely free, except for the government monopoly of antimony ore; .. Taxtation would be fixed and the yearly payments required clearly stated. Regulations about standard weights and measures and a low value coinage would be introduced"(Steven Runciman, 1992: 68-69).

Menerusi penguatkuasaan undang-undang tersebut, ia sekali lagi telah membangkitkan kemarahan dalam kalangan masyarakat Iban. Penerimaan undang-undang ini adalah sukar bagi masyarakat Iban kerana melihat ia sebagai sesuatu yang membebankan hidup masyarakat disamping cukai yang dikenakan terlalu tinggi dan meningkat. Bahkan, James Brooke turut mengenakan cukai kepala ke atas orang Iban dan denda untuk kesalahan seperti memburu atau menentang larangan imigrasi yang dikeluarkan (R.H.W. Reece, 1993: 4). Justeru itu, ketidakpuashatiaan ini akhirnya membawa kepada berlakunya penentangan masyarakat Iban di Sarawak terutamanya yang diketuai oleh Rentap yang membawa kepada berlakunya banyak pertumpahan darah di bumi Sarawak.

Kesan dan Sumbangan Perjuangan Rentap

Perjuangan Rentap di Sarawak telah menciptakan jejak pensejarahan yang mendalam berkaitan perjuangannya dalam menentang penjajah. Menerusi keberanian dan kebijaksanaan yang ditonjolkan, Rentap telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai dalam mempertahankan adat dan budaya serta kebebasan masyarakat Iban di Sarawak. Kesan daripada perjuangannya tidak hanya membentuk perubahan dalam sejarah tempatan, tetapi juga mengingatkan kepada masyarakat akan kepentingan mempertahankan nilai-nilai tradisional yang diamalkan.

Penentangan Rentap ke atas kerajaan Brooke amat signifikan dengan tujuan atau objektif perjuangan beliau dalam mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban di Sarawak. Seperti yang telah dinyatakan, kedatangan James Brooke di Sarawak secara jelas dan nyata telah menganggu adat dan budaya masyarakat Iban yang mana ia merupakan suatu amalan penting dalam membentuk dan mencorakkan gaya hidup masyarakat Iban di Sarawak. Disebabkan itu, wujudnya perkara ini menyebabkan Rentap dan para pejuang lainnya telah berjuang untuk mempertahankan kebudayaan dan gaya hidup yang telah diamalkan sejak turun temurun (A.M. Cooper, 1968: 1). Perjuangan Rentap dalam mempertahankan adat, budaya dan kebebasan masyarakat Iban turut disokong oleh Persatuan Kesusteraan Sarawak apabila mengungkapkan perkara yang sama berkaitan perjuangan Rentap dengan menyatakan:

"If you walk into the Town Betong in the Second Division of Sarawak, you will find a road named Rentap. And when you sit down in a coffee shop chating with the Iban elders, they will tell you endless story of their hero Rentap, who had lead the people in the Second Division, particularly from Skrang and Saribas (Ulu Layar) to drive away the White Rajah in order to maintain their life and freedom" (K.C. Jong, 1983: 40-41).

Seiring dengan matlamat dan tujuan penentangan Rentap di Sarawak, dapat dilihat bahawa perjuangan Rentap telah memberikan kesan dan sumbangan dalam mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban di Sarawak. Sewaktu pemerintahan James Brooke, meskipun wujudnya peraturan yang menghalang pelaksanaan aktiviti ngayau dan maritime raiding, Rentap dan pengikutnya tetap mengamalkan adat dan budaya tersebut kerana menganggap James Brooke tidak mempunyai kekuasaan ke atas mereka. Sikap Rentap dan para pengikutnya yang enggan menuruti peraturan tersebut menyebabkan amalan ngayau dan maritime raiding terus dijalankan oleh masyarakat Iban untuk suatu tempoh yang agak panjang. Bahkan, masyarakat Iban pada waktu itu memiliki kebebasan melakukan aktiviti sedemikian.

Tindakan James Brooke dalam menghapuskan masyarakat Dayak Laut yang digelar sebagai lanun menerusi kempen penghapusan lanun yang dijalankan memperlihatkan bahawa ia tidak mematahkan semangat perjuangan Rentap untuk mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban. Walaupun petempatan mereka telah diancam dan diserang oleh kerajaan Brooke berulang kali demi menghapuskan kegiatan masyarakat Iban, Rentap dan para pengikutnya tidak berdiam diri sebaliknya melakukan serangan balas terhadap kerajaan Brooke. Serangan ke atas kubu pertahanan Fort James di Nanga Skrang menjadi bukti bahawa wujudnya suatu tindakan dalam mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban di Sarawak. Bahkan, menerusi perkara ini, ia menunjukkan Rentap telah menjaga dan melestarikan nilai-nilai tradisional masyarakat Iban di Sarawak.

Menurut Miller, pahlawan Iban yang terlibat dalam perperangan memiliki sifat hati yang penuh dengan keberanian, kecekapan fizikal luar biasa dan kekuatan yang melebihi batas kemampuan manusia normal (Charles C. Miller, 1946: 132). Golongan ini seolah-olah dianugerahkan kekuatan spiritual yang membuatkan mereka menjadi hebat dan gagah setelah menewaskan musuh dengan memenggal kepala. Dalam kalangan masyarakat Iban, mereka melihat sikap berani sebagai suatu etika yang mulia dan sangat dihormati oleh masyarakat Iban pada

waktu itu. Kisah-kisah mengenai keberanian dan kepahlawanannya orang Iban telah terinspirasi melalui cerita legenda dewa-dewi oleh nenek moyang mereka dan menjadi satu adat yang diamalkan secara turun temurun. Rentap sebagai seorang pahlawan masyarakat Iban telah memiliki gelaran Bujang Berani apabila beliau telah berjaya memenggal kepala musuh sewaktu melakukan ekspedisi di laut. Setelah mendapat gelaran ini, Rentap telah dipandang tinggi dalam kalangan komuniti masyarakat Iban di Sarawak.

Kepimpinan Rentap selaku pemimpin masyarakat Iban dapat dilihat secara jelas apabila beliau telah memimpin para pengikutnya dalam melakukan penentangan terhadap kerajaan Brooke. Semangat perjuangan yang ditonjolkan oleh Rentap selaku pemimpin masyarakat Iban telah mempengaruhi para pengikutnya untuk bersama-sama menentang penjajah sewaktu era pemerintahan kerajaan Brooke. Keberanian dan semangat perjuangannya yang tinggi nyatanya telah membawa kepada kebangkitan semangat perjuangan dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Perkara ini dapat dilihat menerusi tindakan Rentap memimpin para pengikutnya untuk menyerang kubu James Brooke di Nanga Skrang yang menghalang masyarakat Iban untuk melakukan kegiatan harian mereka seperti biasa.

Sama ada Rentap dilabelkan sebagai lanun, pejuang atau pemberontak, tindakan Rentap menentang pihak penjajah telah menunjukkan keperwiraan beliau selaku pemimpin masyarakat Iban yang paling diagungkan (*the most fabled*) oleh para pengikutnya. Keberanian yang ditunjukkan oleh Rentap dalam melaksanakan penentangan terhadap kekuasaan Brooke menyebabkan ramai dalam kalangan masyarakat Iban dari Skrang dan Saribas terdorong untuk mengikuti perjuangannya. Hal ini dapat dilihat menerusi pernyataan Robert Pringle yang menyatakan:

"Rentap was the most prominent warrior of the upper skrang, the probated the slayer of Dato Patinggi Ali in Kerangan Peris in 1844, and the later the most fabled Iban in Sarawak history" (Robert Pringle, 1970: 91).

Kehebatan Rentap dalam mempengaruhi masyarakat Iban untuk tidak tunduk kepada pemerintahan Brooke juga telah menjadi inspirasi kepada para pengikutnya untuk menentang penjajah sepihiknya yang dinyatakan oleh S. Baring-Gould dan C.A. Bampfylde:

"...the piratical tribes had been divided into two parties: one that was content to submit to the Government of Sarawak, and abandon its former lawless practices, and the other, consisting of the irreconcilables, the wild and fiery blood, who love slaughter and rapine above everything, and who cannot be prevailed upon to beat their spears into ploughshares. At their head stood a peculiarly daring and turbulent Dayak Chief called Rentap" (S. Baring-Gould & C.A Bampfylde, 1989: 168).

Walaupun pada akhirnya Rentap mengalami kekalahan dalam perjuangan beliau, semangat menentang penjajah yang ditunjukkan oleh Rentap tidak berakhir selepas kekalahan beliau di Bukit Sadok. Rentetan daripada semangat perjuangannya, gerakan menentang pihak penjajah masih diteruskan oleh para pejuang selepas era perjuangannya. Penentangan Rentap telah menjadi perintis kepada perjuangan yang berterusan dalam menentang pihak penjajah seperti Asun Bah Tunggal (Banjir Kilat) dari Entabai yang merupakan pahlawan Iban yang terakhir dalam menentang kekuasaan Brooke di Sarawak pada tahun 1929. Rentap yang juga terkenal dengan slogan "Agi Hidup Agi Ngelaban" telah menyebabkan semangat perjuangan yang dibawa oleh beliau terus meresapi ke dalam jiwa seluruh kaum Iban untuk sentiasa bangkit menentang penjajah. Bahkan, semangat perjuangan yang dibawa oleh Rentap menunjukkan tekadnya menentang penjajah tidak seperti pejuang Iban yang lain dimana perjuangan mereka telah berubah apabila ditawarkan harta dan kedudukan.

Perjuangan Rentap dalam menentang penjajah juga sebenarnya meninggalkan suatu warisan perlawanan yang terus dikenang oleh masyarakat Iban. Dapat dilihat, kisah perjuangan beliau merupakan bahagian penting dalam membentuk identiti kolektif dan inspirasi bagi generasi akan datang agar menyedari kepentingan mempertahankan nilai-nilai dan hak-hak mereka daripada hilang ditelan zaman. Selepas kematian Rentap, nama serta perjuangannya dalam menentang penjajah telah bersemadi dalam diri setiap lapisan masyarakat sehingga ke hari ini. Keberanian beliau dalam menentang kuasa penjajah telah disanjung tinggi terutamanya oleh orang Iban di Sarawak (Chang Pat Foh, 2006: 36).

Sebagai tanda untuk melestarikan perjuangan Rentap dalam menentang kekuasaan Brooke di Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak telah memberikan pengiktirafan terhadap perjuangan beliau. Sebuah Tugu Peringatan Panglima Rentap telah didirikan di Bukit Sadok dan ia dirasmikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sempena memperingati jasa dan perjuangan beliau dalam menentang kuasa penjajah untuk suatu tempoh yang panjang. Perasmian tugu peringatan ini menjadi bukti penerimaan masyarakat terhadap jasa dan sumbangan beliau dalam mempertahankan adat, budaya dan kebebasan masyarakat Iban pada masa dahulu sekaligus menjadi cara untuk mengimbau semula sejarah silam perjuangannya agar tetap segar dalam ingatan masyarakat. Tugu peringatan ini yang dibangunkan mengandungi sejarah ringkas perjuangan Rentap dalam memberikan gambaran dan pengiktirafan perjuangan beliau.

Perjuangan Rentap dalam mempertahankan budaya tradisional masyarakat Iban turut digambarkan menerusi pembinaan Lumbong Rentap di Bukit Sibau. Ia dibangunkan sebagai penghargaan yang tinggi kepada Rentap sekaligus dijadikan sebagai kenangan di atas keazaman Rentap mempertahankan cara hidup tradisional orang Iban pada masa lalu. Dalam konteks ini, sumbangan dan kesan perjuangan Rentap sebagai sejarah warisan diaplikasikan kepada pembangunan seni

bina budaya yang memaparkan kewibawaan Rentap dalam mempertahankan budaya menerusi perjuangannya.

Di bahagian Betong, Sarawak, nama beliau telah diabadikan menerusi penamaan sebatang jalan raya di daerah Betong sebagai jalan Rentap. Dewan masyarakat di daerah ini iaitu Dewan Masyarakat Betong turut dinamakan sebagai Dewan Panglima Rentap manakala bangunan pentadbiran di daerah Betong pula telah ditukar nama kepada Kubu Rentap. Bahkan, Rentap Lounge di Hotel Damai Lagoon di Kuching juga diberikan nama sempena nama Panglima Rentap. Justeru, dapat dilihat bahawa, impak dan sumbangan perjuangan yang dilakukan oleh Rentap banyak memberikan kesan terhadap pembangunan infrasruktur yang menjadi tanda penghargaan terhadap perjuangan beliau.

Perjuangan Rentap dalam memperjuangkan adat, budaya dan kebebasan masyarakat Iban telah memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai perjuangan yang dilakukan oleh beliau. Dapat dilihat, penerimaan masyarakat menerusi pembinaan Tugu Panglima Rentap dan sebagainya menjelaskan bahawa sejarah penentangan Rentap itu sendiri merupakan sumbangan beliau dalam menyedarkan masyarakat akan pentingnya memelihara dan mempertahankan adat dan budaya yang sekian lama telah diamalkan secara turun-temurun.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perjuangan yang dilaksanakan oleh Rentap dalam menentang regim Brooke di Sarawak secara jelas memperlihatkan bahawa ia dilaksanakan bagi tujuan untuk mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban daripada terus dicabuli oleh kerajaan Brooke. Tindakan James Brooke yang cuba untuk mencampuri urusan hal ehwal adat dan budaya masyarakat Iban jelas memperlihatkan bahawa ia telah membangkitkan kemarahan dan ketidakpuashatiaan dalam kalangan masyarakat pribumi Sarawak terutamanya Dayak Laut

(Iban) yang terganggu oleh dasar-dasar yang dilaksanakan oleh James Brooke sewaktu pemerintahannya. Oleh itu, munculnya Rentap sebagai pahlawan masyarakat Iban adalah untuk membela dan mempertahankan nasib masyarakat Iban daripada terus dibelenggu oleh kuasa penjajah.

Perjuangan Rentap telah memberikan kesan dan sumbangan yang amat signifikan terhadap sejarah dan budaya Sarawak terutamanya dalam konteks masyarakat Iban di Sarawak. Menerusi penentangan beliau, ia telah menunjukkan bahawa adat, budaya dan kebebasan yang dimiliki harus dipertahankan daripada campur tangan penjajah sekaligus memaparkan akan perlunya semangat perjuangan yang tinggi bagi mempertahankan adat dan budaya serta kebebasan tersebut. Perjuangan Rentap turut membuktikan bahawa masyarakat tempatan juga mampu untuk menentang kuasa penjajah daripada terus berkuasa di tanah air mereka. Perjuangan yang ditonjolkan oleh Rentap telah berjaya mencipta imej kepahlawanan dalam memotivasi masyarakat Iban untuk memiliki semangat perjuangan dan ketahanan bagi menghadapi perubahan dan tekanan dari luar. Oleh itu, segala peristiwa dan penentangan Rentap yang menjadi sejarah telah dijadikan sebagai suatu kebanggaan kepada masyarakat Iban di Sarawak.

Senarai Rujukan

Arkib dan Dokumen Kerajaan

Enggu, E. On The Top of Sadok with Pahlawan Rentap. *The Sarawak Gazette*. 30 Jun 1973.

Sandin, Benedict. Under the Shadow of Rentap's Sadok: Review. *The Sarawak Gazette*. 31 Mac 1972.

Buku dan Jurnal

Adil, Haji Buyong. 1974. *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Baring-Gould, S & Bampfylde, C. A. 1909. *A History of Sarawak under Its Two White Rajah 1839-1908*. Malaysia: SilverFish Books.
- Chater, W.J. 1994. *Sarawak Long Ago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cooper, A.M. 1968. *Men of Sarawak*. Singapore: Oxford University Press.
- Durin, Anna. 2014. *Tikar Bemban*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Irwin, Graham. 1986. *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, Amnah Saayah, Mujani, Wan Kamal, Jalal, B & Shah N. Zainal. 2019. Analysis of Dato' Bahaman Battle Strategies in The Pahang Uprising 1891-1895. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCET)*, Vol. 10. Issue 1. 356-363.
- Jong, K.C. 1983. Living Names. Dalam *Persatuan Kesusastraan Sarawak, Our Sarawak*. Singapore: Summer Times Publishing.
- Kiyai @ Keai, Gregory. 2022. Perang Beting Marau 1849: Kemuncak Kepada Konflik Iban Dan Rajah Brooke. *ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social Sciences & Humanities*, Vol. 5. Issue 2. 90-101.
- Kok On, Low. 2010. Lambang Semangat Juang dalam Legenda Rentap dan Sejarah Penentangannya terhadap Raja Brooke di Sarawak. *Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(1). 151-175.
- Miller, Charles C. 1946. *Black Borneo*. New York: Modern Age Books Inc.
- Mills, L.A. 1969. *British Malaya 1824-1869*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Pat Foh, Chang. 2006. *History of Iban Settlements around Kuching City, Sarawak*. Malaysia: Kuching Sarawak.
- Pollard, Elizabeth. 1997. *Kuching 1839-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pringle, Robert. 1970. *Rajah and Rebels – The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1946*. New York: Cornell University Press.

*Rentap: Satu Penelitian Ke Atas Motif dan
Faktor Perjuangannya di Sarawak*

- Reece, L. Robert. 1983. Political Pioneers. Dalam *Persatuan Kesusteraan Sarawak, Our Sarawak*. Kuching: Summer Times Publishing.
- Reece, R.H.W. 1993. *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Berhad.
- Ritchie, James & Saga, Edmund Langgu Anak. 2009. *Rentap: Warrior, Legend and Enigma*. Malaysia: S.N.
- Runciman, Steven. 1992. *The White Rajah: A History of Sarawak from 1841 to 1946*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Sutlive, V.H. 1992. *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Walker, J.H. 2002. *Power and Prowess: The Origins of Brooke Kingship in Sarawak*. Crow's Nest (Australia): Allen and Unwin & Honolulu: University of Hawai'I Press.